

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC MENILAI LAPORAN PENYIASATAN MENGENAI INDUSTRI AYAM

KUALA LUMPUR, 28 JUN 2022 – Susulan arahan daripada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) awal tahun ini untuk menyiasat dakwaan kartel dalam industri ayam, satu pasukan khas telah ditubuhkan untuk menjalankan penyiasatan terhadap industri tersebut. Sebagai sebuah badan separa kehakiman, MyCC yang diketuai oleh Pengurusnya, YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Bin Md Yunus dan lapan anggota Suruhanjaya yang lain telah bersidang semalam untuk pembentangan laporan penyiasatan oleh pasukan khas tersebut. Mereka kini sedang menilai laporan penyiasatan tersebut.

Sekiranya terdapat bukti kartel, keputusan cadangan di bawah Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 akan dikeluarkan terhadap pihak berkenaan. Namun, jika tiada bukti yang menunjukkan unsur-unsur pelanggaran, Suruhanjaya akan menutup penyiasatan selaras dengan Seksyen 16 Akta Persaingan 2010.

Setelah keputusan cadangan dikeluarkan, pihak yang berkenaan akan diberi peluang untuk mengemukakan pembelaan mereka melalui representasi bertulis dan/atau lisan kepada MyCC. Seterusnya, MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir untuk menentukan sama ada berlakunya pelanggaran atau tidak di bawah Akta Persaingan 2010. Sekiranya terdapat pelanggaran, MyCC akan mengenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada pusing ganti seluruh dunia dan/atau pengenaan arahan tertentu yang dianggap wajar oleh MyCC.

-tamat-



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cadmycc@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.

PROSES PENGETAHUAN KEPUTUSAN OLEH MyCC

